



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**INOVASI PENDAKWAHAN DALAM MEMANTAPKAN
PENDIDIKAN DEWASA DI MALAYSIA**

**MOHD AZMI BIN MAT SAH
FPP 2009 26**

**INOVASI PENDAKWAHAN DALAM MEMANTAPKAN
PENDIDIKAN DEWASA DI MALAYSIA**

MOHD AZMI BIN MAT SAH

**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2009



**INOVASI PENDAKWAHAN DALAM MEMANTAPKAN
PENDIDIKAN DEWASA DI MALAYSIA**

Oleh

MOHD AZMI BIN MAT SAH

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra Malaysia
Sebagai Memenuhi Keperluan Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2009



Abstrak tesis dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi
sebahagian keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**INOVASI PENDAKWAHAN DALAM MEMANTAPKAN
PENDIDIKAN DEWASA DI MALAYSIA**

Oleh

MOHD AZMI BIN MAT SAH

Oktober 2009

Penyelia : Maimunah Ismail, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Penyelidikan ini bertujuan memahami bagaimana inovasi pendakwahan dalam memantapkan pendidikan dewasa di Malaysia. Kajian ini diharapkan dapat memperluaskan pemahaman mengenai pendakwahan dan boleh digunakan sebagai panduan untuk meneruskan pencapaian misi dan visi dakwah dalam era globalisasi. Tambahan pula, sikap serta amalan pendakwah sekarang terhadap inovasi pendakwahan belum banyak dikaji. Dengan memahami status sebenar pendakwah terhadap inovasi pendakwahan maka bidang pendakwahan akan lebih bermakna apabila dilihat dalam era masa kini yang pesat dengan pembaharuan.

Dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif, penyelidik telah menemubual informan kajian yang terdiri daripada lima orang pendakwah, berpengalaman dalam pendakwahan melebihi 10 tahun dan mempunyai pentauliahhan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Data telah dikumpul menggunakan teknik perbualan bersemuka

secara mendalam. Perbualan dirakamkan melalui pita rakaman dan ditranskrip secara verbatim. Analisis bermula sebaik sahaja data dikumpulkan. Analisis terperinci kemudiannya dilakukan untuk menghasilkan tema dan sub tema bagi menjawab persoalan penyelidikan. Berdasarkan pengalaman yang dilalui oleh informan, terdapat beberapa tema yang menjelaskan keperihalan inovasi dalam pendakwahan sebagai penggerak pendidikan dewasa.

Kajian menghasilkan lima tema utama berdasarkan persoalan kajian iaitu 1) makna inovasi dalam pendakwahan, 2) sikap pendakwah terhadap penerimaan guna inovasi dalam pendakwahan, 3) amalan inovasi dalam pendakwahan, 4) kepentingan inovasi dalam pendakwahan dan 5) harapan pendakwah terhadap inovasi pendakwahan. Inovasi pendakwahan dijelaskan sebagai alat, idea, cara, dan amalan. Keempat-empat makna inovasi pendakwahan ini mempunyai peranan yang saling berkaitan antara satu sama lain dalam pendakwahan. Manakala persoalan kajian yang kedua iaitu tema tentang sikap pendakwah terhadap inovasi menjelaskan inovasi sebagai keperluan penyelidikan dan pembangunan (R&D), menyarankan supaya memasyarakatkan dakwah dan menunjukkan sikap keperluan jalinan kerjasama. Berdasarkan persoalan kajian yang ketiga, penyelidikan ini turut menemui empat elemen penting dalam amalan pendakwahan iaitu menggunakan peralatan ICT dalam pendakwahan, belajar menggunakan alat ICT dalam pendakwahan, mengintegrasikan inovasi dalam pendakwahan, dan berkomunikasi secara berkesan.

Manakala untuk persoalan kajian yang keempat, tema mengenai kepentingan inovasi dalam pendakwahan menghasilkan beberapa sub tema berikut: 1) inovasi sebagai keperluan era sekarang, 2) inovasi meningkatkan keberkesanan dalam pendakwahan dan 3) inovasi merupakan daya tarikan dalam pendakwahan. Persoalan kajian yang kelima tentang harapan pendakwah terhadap penggunaan inovasi dalam pendakwahan mendapatkan bahawa ia mampu dilaksanakan dengan beberapa syarat iaitu pendakwah perlu berilmu pengetahuan, dakwah dijalankan secara menyeluruh, corak pendakwahan perlu berwajah baru, dan pengurusan dakwah melalui institusi masjid harus diperkasakan bagi merealisasikan penggunaan inovasi dalam pengembangan agama.

Secara keseluruhan, inovasi dalam pendakwahan bermaksud kemampuan pendakwah memberikan idea-idea baru untuk mengubah suai cara penyampaian dakwah. Perkembangan inovasi yang pantas memerlukan pendakwah bergabung tenaga dengan pakar-pakar dalam disiplin ilmu yang lain bagi memperkemaskan amalan pendakwahan mereka. Pendakwah harus memanfaatkan kolaborasi ini agar ia sejajar dengan perkembangan terkini dalam cara dan praktis pendidikan pengembangan.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**PREACHING IN INNOVATION IN ENHANCING
ADULT EDUCATION IN MALAYSIA**

By

MOHD AZMI BIN MAT SAH

Oktober 2009

Supervisor : Maimunah Ismail, PhD

Faculty : Educational Studies

This research is aimed at understanding how innovation in preaching can be used to enhance adult education in Malaysia. It is hoped that this study can extend the understanding of preaching in Malaysia and ultimately contributes to its mission and vision within the current globalised era. Furthermore, not much has been researched on the practice and attitude of present preacher towards innovation in preaching. By understanding their practices and attitude towards innovation in preaching, more can be done to improve the preachers' adult education practices in the present era of changing environment.

Using qualitative research method, the researcher interviewed research informants comprising of five preachers, having 10 years of experiences in the field and authorized by Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Data were collected using in-depth interviews. Interviews were recorded and transcribed verbatim. Analysis was done

immediately after data collection. Detailed analysis was done in order to develop themes and sub themes related to the research questions. Based on the experiences shared, a number of themes were generated to explain how innovation in preaching was used to enhance adult education.

The study generated five main themes which include 1) the meaning of innovation in preaching, 2) preachers' attitude towards innovation adoption in preaching, 3) practices of innovation in preaching, 4) the importance of innovation in preaching and 5) hopes for innovation in preaching. Innovation in preaching is explained as a medium, an idea, a way, and a practice. These four meanings are interconnected in the practice of preaching. The second theme which explained about preachers' attitude innovation unveiled their views towards innovation as a manifestation of research and development, their views towards the need to reinforce community preaching and networking between preachers and their target audiences. In answering the third research question, the study generated four significant elements in the practice of preaching which include learning and using information and communication technology (ICT) tools, integrating innovation in preaching, and communicating effectively.

In the fourth research question, themes related to the importance of innovation in preaching consist of: 1) innovation as current need, 2) innovation reinforces the effectiveness of preaching and 3) innovation as the pulling factor in preaching. With regards to their hopes for the use of innovation in preaching, the informants agreed that it can be done with the conditions that the preachers are knowledgeable and perform their

preaching holistically, and with new image. They also added that the management of preaching through the mosque institution should be fortified as to reinforce the use of innovation in religious extension.

In essence, innovation in preaching denotes the ability of the preacher to generate and disseminate new ideas to improve preaching. The rapid development of innovation requires preachers to collaborate with experts from other disciplines so as to improve their practices. Preachers have to make use of these collaborations in line with the current trends and practices in extension education.

PENGHARGAAN

Alhamdulilah syukur kehadrat Allah SWT yang telah memberi kekuatan dan kesihatan serta nikmat yang tidak terhingga dalam menyiapkan tesis ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas jasa dan baik budi Profesor Dr. Maimunah Ismail selaku pengurus yang banyak membimbang dalam sepanjang pengajian, hanya Allah sahaja yang dapat membala segala jasa baik beliau. Kepada tenaga pembimbang yang sangat membantu dan memberi perangsang serta tunjuk ajar yang amat berharga iaitu Prof. Madya Dr. Azizan Asmuni, Dr. Amini Amir Abdullah dan Dr. Ismi Arif Ismail. Segala tunjuk ajar dan bimbingan akan dijadikan panduan dan disanjung tinggi. Semoga nasihat dan tunjuk ajar yang telah diberikan akan dikira sebagai amal soleh.

Kepada semua pensyarah di Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan serta semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Semoga diberi ganjaran di sisi Allah atas segala tunjuk ajar dan kerjasama yang telah diberikan.

Akhir sekali, sekalung penghargaan terima kasih kepada isteri tercinta Dr. Zaharilah Abdullah dan anakanda walid Muhammad Fakhrurradzi. Pengorbanan kasih sayang dan pengertian yang telah diberikan menjadi perangsang dan semangat untuk menyiapkan penulisan tesis ini. Segalanya menjadi kekuatan untuk terus berjuang dan tidak akan dipersiahan. Semoga Allah sentiasa membimbang keluarga kita kepada kebahagiaan dan keredhaannya.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Maimunah Ismail, PhD

Profesor

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Azizan Asmuni, PhD

Profesor Madya

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Amini Amir Abdullah, PhD

Pensyarah

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamaddunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Ismi Arif Ismail, PhD

Pensyarah

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

HASANAH MOHD GHAZALI, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Februari 2010

PENGAKUAN

Saya mengaku tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau di institusi-institusi lain.

MOHD AZMI BIN MAT SAH

Tarikh: 22 Disember 2009

KANDUNGAN

| | |
|-----------------------|------|
| ABSTRAK | ii |
| ABSTRACT | v |
| PENGHARGAAN | viii |
| PENGESAHAN | ix |
| PENGAKUAN | x |
| SENARAI JADUAL | xiv |
| SENARAI RAJAH | xv |

BAB 1

PENGENALAN

| | |
|-----------------------|----|
| Latar Belakang kajian | 1 |
| Pernyataan Masalah | 6 |
| Skop Kajian | 9 |
| Kepentingan Kajian | 10 |
| Definisi Istilah | 11 |

BAB II

SOROTAN LITERATUR

| | |
|--|----|
| Konsep Pendidikan Dewasa | 13 |
| Tujuan Pendidikan Dewasa | 18 |
| Falsafah Pendakwahan dalam Pendidikan Dewasa | 20 |
| Faktor Keberkesanan Dakwah dan Inovasi | 25 |
| Komunikasi daripada Perspektif Islam | 28 |
| Teknologi daripada Perspektif Islam | 30 |
| Persediaan Kelengkapan Pendakwah | 33 |
| Inovasi | 35 |
| Teori Penerimaan guna Inovasi | 37 |
| Jenis-jenis Inovasi | 38 |
| Perkembangan Inovasi | 40 |
| Strategi Dakwah dan Inovasi | 45 |
| Pandangan Islam terhadap Perubahan | 49 |
| Inovasi daripada Perspektif Islam | 51 |
| Inovasi dalam Pendidikan Pengembangan | 56 |
| Cabarannya dalam Inovasi Pendakwahan | 59 |
| Ringkasan | 61 |

BAB III

METODOLOGI PENYELIDIKAN

| | |
|---|----|
| Pengenalan | 62 |
| Reka bentuk penyelidikan: mengapa pendekatan kualitatif | 62 |
| Mengapa menggunakan temubual | 63 |
| Persediaan ke Lapangan Kajian | 64 |
| Autobiografi penyelidik | 64 |
| Mengapa pendakwah | 67 |
| Pemilihan informan | 67 |
| Mengenalpasti informan kajian dan mendapatkan akses ke lapangan | 69 |
| Sewaktu di lapangan kajian | 70 |
| Temubual bersemuka | 70 |
| Analisis dan Interpretasi data | 77 |
| Ringkasan | 82 |

BAB IV

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

| | |
|--|-----|
| Pendahuluan | 83 |
| Latar belakang informan | 83 |
| Tema | 91 |
| Makna Inovasi | 92 |
| Inovasi sebagai alat | 92 |
| Inovasi sebagai idea baru | 94 |
| Inovasi pendakwahan sebagai cara baru | 97 |
| Inovasi sebagai amalan | 100 |
| Sikap pendakwah Terhadap Inovasi | 105 |
| Menganggap inovasi sebagai keperluan R&D | 105 |
| Menyarankan supaya memasyarakatkan dakwah | 109 |
| Menunjukkan sikap terhadap keperluan jalinan kerjasama | 112 |
| Amalan Pendakwah dalam Inovasi pendakwahan | 115 |
| Menggunakan peralatan ICT dalam pendakwahan | 116 |
| Belajar menggunakan alat ICT dalam pendakwahan | 119 |
| Mengintegrasikan inovasi dalam pendakwahan | 122 |
| Berkomunikasi secara berkesan | 125 |
| Kepentingan Inovasi dalam pendakwahan | 128 |
| Inovasi sebagai keperluan era sekarang | 130 |
| Inovasi meningkatkan keberkesanan dalam pendakwahan | 132 |
| Inovasi merupakan daya tarikan dalam pendakwahan | 135 |
| Harapan terhadap Inovasi Pendakwahan | 137 |
| Pendakwah perlu berilmu pengetahuan | 138 |
| Dakwah dijalankan secara menyeluruh | 141 |

| | |
|--|-----|
| Corak pendakwahan berwajah baru | 143 |
| Memperkasa pengurusan dakwah melalui masjid | 145 |
| Ringkasan | 149 |
| BAB V | |
| RINGKASAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN PENYELIDIKAN | |
| Pendahuluan | 151 |
| Ringkasan | 151 |
| Metodologi | 152 |
| Hasil Kajian | 155 |
| Rumusan | 157 |
| Implikasi Teori dan Praktis | 159 |
| Cadangan penyelidikan | 163 |
| | |
| BIBLIOGRAFI | 164 |
| APPENDIKS | 174 |
| BIODATA PENULIS | 191 |
| PENERBITAN | 193 |

SENARAI JADUAL

| Jadual | | Muka surat |
|---------------|-------------------------|-------------------|
| 1. | Latar belakang informan | 86 |

SENARAI RAJAH

| Rajah | Muka surat |
|---|-------------------|
| 1. Model proses penerimaan guna inovasi | 101 |
| 2. Input, transformasi dan output | 132 |
| 3. Kerangka kerja konsep kajian menunjukkan dimensi inovasi pendakwahan dalam memantapkan pendidikan dewasa | 154 |
| 4. Pemahaman tentang inovasi pendakwahan dalam memantapkan pendidikan dewasa. | 156 |

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

Masyarakat Malaysia di abad ke-21 merupakan masyarakat yang hidup dalam era globalisasi yang berorientasikan sains dan teknologi. Corak hidup masyarakat dalam era globalisasi adalah berbeza daripada sebelumnya. Satu daripada agenda negara dalam mencapai misi nasional ialah membina masyarakat yang mempunyai minda kelas pertama. Kejayaan masa hadapan bergantung kepada mutu modal insan yang dimiliki, bukan sahaja dari segi intelek tetapi juga keperibadian (Abdullah, 2008). Oleh itu kerajaan telah memperkenalkan konsep Islam Hadhari yang menekankan pembangunan seimbang antara rohani dan jasmani. Dalam ertikata lain, ia adalah Islam yang tidak tertumpu kepada pembangunan spiritual sahaja, tetapi meliputi makna Islam dalam segenap kehidupan manusia terutama dalam aspek ekonomi, sosial dan sahsiah (Mohd Yusof, 2004). Satu daripada pelbagai penggerak utama kemajuan dan inovasi itu ialah ilmu pengetahuan dan penyebarannya menerusi teknologi maklumat dan komunikasi atau *information technology and communication* (ICT). Pembangunan dalam bidang pendakwahan juga perlu seimbang bersama kemajuan teknologi terkini agar umat Islam tidak ketinggalan dalam segala tuntutan kehidupan dunia dan akhirat.

Di Malaysia sejak dari dahulu lagi dakwah Islamiah telah disampaikan melalui lisan dan tulisan yang disebarluaskan kepada individu dan kumpulan serta secara bersemuka. Malah selari dengan perkembangan zaman yang dilaluinya, dakwah Islamiah turut disebarluaskan menerusi filem, video, kaset dan sebagainya. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

adalah sebuah badan dakwah yang telah menggunakan teknologi terkini termasuk penggunaan Internet (Mohd Shahir, 2001).

Senario pendidikan dewasa kini amat memerlukan pendidik yang kreatif dan inovatif supaya pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih efektif. Kreatif bermaksud kebolehan seseorang untuk mencipta, menghasil dan memperkembangkan sesuatu. Inovatif pula ialah kebolehan seseorang untuk memulakan sesuatu yang baru sama ada dalam bentuk kaedah dan sistem pendekatan. Menurut Abd. Rahim (1999), daya kreativiti yang tinggi membolehkan sesuatu kaedah dan metod pengajaran untuk mencorakkan perkembangan minda, emosi, sikap dan nilai para pelajar. Kreativiti juga memerlukan daya imaginasi untuk membolehkan para pelajar meneroka dan menghayati pengajaran yang berguna. Ketandusan unsur kreativiti dalam pengajaran seperti pendakwahan agama menyebabkan pelajar berasa bosan, jemu dan tidak berminat untuk mengikuti pembelajaran. Malah ketandusan inovasi dan pembaharuan yang berterusan dalam pendakwahan menyebabkan pendengar merasakan pengajian ini stereotaip, tidak mencabar dan statik. Pada hal mendalam dan menghayati pembelajaran agama adalah perkara yang amat penting dalam kehidupan.

Sehubungan itu pendakwah perlu mempunyai kepercayaan yang positif dan keyakinan kendiri untuk menjadikannya seorang yang berinovatif dalam menyusun proses pengajaran dan pembelajaran. Pendakwah juga harus memilih kaedah pengajaran yang boleh menarik minat serta mencabar kebolehan pelajar, merangsang pembelajaran dan menyeronokkan, berjaya melepaskan horizon intelektual, sosial, moral, kerohanian dan

mewujudkan perspektif positif seperti merasa penting untuk dipelajari serta berguna untuk masa hadapan. Justeru, satu anjakan paradigma harus dilakukan untuk menjadikan pendakwahan lebih berkesan, menarik dan menggembirakan dengan penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian Mohd Zaaba dan Zurida (2002) serta Pajares (2002) menunjukkan bahawa keyakinan guru tentang penggunaan ICT dalam tugas mereka merupakan faktor penentu dalam kemampuan mengintegrasikannya dalam pengajaran.

Pendakwah secara umum merujuk kepada individu atau kumpulan individu yang biasanya berkebolehan menyampaikan pengajaran agama seperti ceramah, khutbah, forum dalam pelbagai bentuk (Judith, 1984). Sebelum tahun 1970an, istilah dakwah tidak begitu dikenali kerana ia terangkum dalam pelbagai istilah agama yang lebih popular seperti ‘amar makruf nahi munkar, nasihat, tabligh’ dan sebagainya. Manakala mereka yang dikatakan pendakwah adalah golongan yang lebih dikenali sebagai ‘ustaz’ yang mempunyai latar belakang pengajian Islam secara formal. Mereka terlibat dalam menyampaikan Islam di seluruh pelusuk dunia Islam sekitar awal tahun 1970an yang didominasi oleh pemikiran Islam baru seperti slogan ‘Islam sebagai al-din’, Islam syumul, proses ‘Islamisasi’ dan seumpamanya. Maka terdapat gabungan kelompok ustaz dan mereka yang tidak dalam aliran pendidikan Islam formal menceburi gelanggang dakwah secara aktif dan mereka adalah dalam jumlah yang besar (Zulkiple, 2001).

Pendakwahan adalah suatu istilah yang lebih memfokuskan kepada proses pengajaran dalam bidang agama. Manakala pendidikan dewasa adalah suatu proses pendidikan terancang yang dijalankan secara formal dan tidak formal. Menurut UNESCO (1976) pembelajaran dewasa adalah keseluruhan proses pendidikan terancang yang mana kandungan, tahap dan cara yang formal atau tidak, membangunkan kemahiran, memperkaya pengetahuan serta meningkatkan kelayakan teknikal dan profesional. Ia seterusnya mengubah sikap serta tingkahlaku dalam pembangunan diri serta penglibatan dalam pembangunan sosial, ekonomi dan budaya (Zainal, 1998). Manakala dakwah mengikut pandangan agama ialah ajakan yang ditujukan kepada manusia oleh Allah dan Rasul Nya supaya yakin kepada agama Islam. Ia seterusnya membawa kepada perubahan sikap dan keimanan kepada Allah dan Rasul.

Dakwah boleh didefinisikan sebagai usaha ke arah memberangsangkan manusia kepada kebaikan dan hidayah (petunjuk Allah) dan menyuruh membuat kebaikan dan melarang melakukan kejahanan supaya mereka berjaya mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat. Abdul Karim (2003) mentakrifkan dakwah sebagai pelaksanaan usaha alim ulama dan orang-orang yang memahami agama, mengajar orang lain supaya mereka dapat memahami perkara-perkara agama dan dunia dan mereka sedar tanggungjawab dan kuasa yang ada pada mereka. Manakala Ibnu Taimiyah dalam Abu (1986) pula mentakrifkan dakwah sebagai satu usaha seruan ke arah beriman kepada Allah dan apa yang disampaikan oleh rasulNya, iaitu membenarkan segala apa yang disampaikan oleh mereka dan mentaati perintah-perintahNya.

Berdasarkan definisi tersebut, pendakwahan mempunyai hubungan yang erat dengan pendidikan khususnya pendidikan dewasa. Ini kerana aktiviti pendakwahan mempunyai matlamat yang sama iaitu membangunkan manusia ke arah kehidupan yang lebih baik melalui peningkatan ilmu. Justeru, secara umumnya pendakwah tidaklah hanya terhad kepada individu yang dipanggil ustaz sahaja, malah pendakwah boleh wujud dalam pelbagai kategori seperti peniaga-pendakwah, juruteknik-pendakwah, guru-pendakwah, pensyarah-pendakwah, jurutera-pendakwah, arkitek-pendakwah, ahli politik-pendakwah, pemandu-pendakwah dan sebagainya. Hal ini bukanlah sesuatu yang baru dalam fenomena pendakwahan seperti yang telah diperjelaskan oleh Arnold (1913) dalam Amin (1978) melalui bukunya *The Preaching of Islam*. Ini menunjukkan bahawa aspek pendakwahan mempunyai skop yang luas dan proses pendakwahan adalah tidak terbatas mengikut era pembangunan negara dan dunia. Perkara yang lebih penting lagi ialah proses pendakwahan amat terdedah dengan pengaruh inovasi yang tidak dapat dielakkan dalam arus globalisasi masa kini.

Pendakwah merupakan pendidik yang sangat berpengaruh. Dalam inovasi pendidikan beberapa faktor perlu diberi perhatian seperti guru, pelajar, kurikulum, kemudahan asas, dan masyarakat persekitaran (Cece dan rakan, 1991). Oleh sebab itu kewibawaan seseorang pendakwah amat penting dalam proses pendakwahan. Menurut Abu Bakar dan Sarina (1998), setiap pendakwah hendaklah mempunyai pengetahuan yang sempurna dan penguasaan sepenuhnya tentang matlamat dan tujuan ke mana manusia itu hendak dibawa melalui pendakwahannya. Mereka hendaklah mengetahui sedalam-dalamnya Al-Quran dan sunah Rasulullah SAW serta sirah nabawiah, perjuangan para sahabat dan kehidupan alim ulama dan hukum-hukum semasa. Selain itu terdapat beberapa perkara

yang dapat membentuk kewibawaan pendakwah; antaranya adalah penguasaan ilmu yang diajarkan, kaedah mengajar yang sesuai dengan situasi pelajar, hubungan antara individu seperti pelajar dan rakan sejawat. Ini antara lain mencadangkan bahawa inovasi adalah sangat penting dalam pendakwahan seperti program pendidikan dewasa yang lain.

Pernyataan Masalah

Dalam kepesatan dunia teknologi terkini fenomena dakwah banyak yang perlu diperbaiki dan diperkemaskini bagi menyesuaikan dengan era globalisasi. Prinsip asas dalam dakwah perlu dicernakan dengan melihat kepada suasana dan realiti yang ada. Dalam proses pendakwahan masih banyak lagi perkara yang belum diketahui dengan jelas. Pendakwah hendaklah peka dengan masyarakat yang sentiasa berubah. Kalau dakwah tidak disesuaikan dengan suasana perubahan, maka dengan sendirinya kegiatan dakwah menjadi mundur. Oleh itu, para pendakwah hendaklah terpelajar dan berilmu, jujur dan berdisiplin serta amanah dan cekap. Profil seorang pendakwah pada masa hadapan bukanlah seperti yang difahami oleh masyarakat sekarang iaitu hanya aspek-aspek ritual sahaja ditonjolkan, sedangkan pengembangan sains dan teknologi tidak begitu dipentingkan. Para pendakwah hendaklah mempunyai kualiti sebagai *Ulul Albab*, yang mampu menjalankan tugas sebagai pemimpin di muka bumi dan berfungsi sebagai pembawa rahmat keseluruhan alam.

Hal ini dianggap penting dalam merangka kerja-kerja dakwah supaya umat Islam dapat menggunakan peluang yang ada. Persaingan globalisasi memerlukan pendakwah khususnya dan umat Islam secara keseluruhannya mempunyai daya kreatif, inovatif dan imaginatif. Para pendakwah haruslah mempunyai keupayaan melihat peluang-peluang

hasil perkembangan teknologi, menganalisis kesan-kesan perkembangan politik dunia dan mengambil langkah-langkah strategik yang berkesan bagi meningkatkan mutu dakwah Islamiah.

Kajian-kajian mengenai permasalahan dakwah di Malaysia setakat ini banyak tertumpu kepada beberapa persoalan. Sebagai contoh kajian yang dijalankan oleh Wan (1993), Nik (1993), Che Yusoff (1993), Zainab (1995), Andek (1993) dan Ibrahim (1995) adalah memfokus kepada permasalahan dakwah semasa. Kajian yang dilakukan oleh Nik (1993) berkaitan dengan pendakwahan dalam masyarakat majmuk. Kajian oleh Che Yusoff (1995) membahaskan mengenai pandangan Islam terhadap sekularisme. Demikian pula kajian Zainab (1995) dan Ibrahim (1995) masing-masing membincangkan tentang kepentingan dakwah dalam pembangunan ekonomi negara, dan metodologi dakwah yang berkesan kepada golongan bukan Islam masa kini.

Tambahan lagi kajian dakwah di Malaysia boleh dikatakan hanya dilakukan daripada perspektif pengajian Islam sahaja. Kajian mengenai inovasi dalam pendakwahan bagi meningkatkan penerimaan guna falsafah, prinsip dan amalan agama Islam belum ditemui setakat ini, sedangkan dalam bidang-bidang lain seperti pertanian, perindustrian, kesihatan telah banyak dijalankan. Namun sikap serta amalan pendakwah sekarang terhadap inovasi pendakwahan belum diketahui. Dengan memahami status sebenar pendakwah terhadap inovasi pendakwahan maka bidang pendakwahan akan lebih bermakna apabila dilihat dalam era globalisasi kini. Dari sini ternyata terdapat satu kelompongan dalam rentetan kajian mengenai inovasi pendakwahan dan perannya

sebagai penggerak pendidikan dewasa di Malaysia. Untuk menangani jurang pengetahuan yang ada maka kajian ini amat perlu dijalankan.

Permasalahan dakwah Islamiah dalam era globalisasi bukan lagi setakat masalah kepemimpinan dan organisasi tetapi berkaitan permasalahan perancangan, strategi dan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh pendakwah dalam menangani dan mengharungi arus perkembangan teknologi yang pesat (Fariza, 2000). Umat Islam perlu menghadapi arus pembangunan kini dengan bijaksana, jika tidak proses dakwah akan terus ketinggalan dan semakin terpinggir di celah-celah proses pemodenan. Dalam menghadapi arus perkembangan ini golongan pendakwah memerlukan persiapan, perancangan dan strategi yang mantap. Segala perkembangan dan kecanggihan teknologi maklumat dan kemajuan ekonomi akibat proses globalisasi harus dimanfaatkan dan diambil kesempatan untuk perkembangan dakwah Islamiah. Dalam proses memanfaatkan peluang inilah dakwah Islamiah menghadapi pelbagai masalah dalaman dan luaran.

Dalam inovasi pendakwahan, penglibatan pendakwah perlu bermula daripada proses perencanaan program inovasi sehingga pelaksanaan dan penilaian program berkenaan. Kemungkinan juga para pendakwah menganggap inovasi akan mengganggu kelancaran tugas mereka. Selain daripada pendakwah mereka juga berperanan sebagai pendidik masyarakat, kaunselor, pemimpin, doktor, motivator dan sebagainya bergantung kepada profesión hakiki yang ada (Wright, 1987). Proses pendakwahan mempunyai kumpulan sasaran tersendiri. Ini dapat dilihat melalui minat, kemauhan dan komitmen yang timbul dalam diri penerima tanpa paksaan. Pelajar atau penerima perlu dilibatkan dalam proses inovasi, seperti memperkenalkan kepada mereka tujuan daripada perubahan tersebut.